

**Syarikat tempatan mampu bina kapal perang - Tun M
Utusan Online
17 September, 2012**

KUALA LANGAT 16 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemampuan syarikat pembinaan kapal tempatan, NGV Tech Sdn. Bhd. (NGVT) membangunkan kapal latihan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) boleh dikembangkan kepada pembinaan kapal yang lebih besar termasuk kapal perang pada masa depan.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini memandangkan syarikat berkenaan berjaya menyiapkan lebih 50 peratus dari pembinaan dua unit kapal latihan TLDM meskipun baru tiga bulan memulakan kerja pembinaan masing-masing sejak April dan Mei lalu selain mempunyai rekod mengeluarkan lebih 100 jenis kapal sebelum ini.

Beliau turut melahirkan rasa bangga kerana syarikat berkenaan berjaya melaksanakan kerjasama dengan syarikat perkapalan Korea Selatan, sekali gus membolehkan negara memiliki lebih banyak pemindahan teknologi kejuruteraan dan menarik lebih banyak pembinaan kapal besar yang lebih kompleks dan canggih.

"Saya yakin NGVT boleh membina kapal perang dan saya fikir syarikat tersebut patut diberi peluang untuk membuat kapal yang besar. Kerjasama yang dijalankan dengan syarikat pembinaan kapal di Korea Selatan juga membolehkan pemindahan teknologi berlaku.

"Dua kapal itu baru tiga bulan dibina tetapi perkembangannya sudah cukup jauh, semua pemasangan termasuk enjin sudah siap dipasang. Apabila siap esok, kita boleh tengok, apa yang saya nampak hari ini (semalam), ia kemas dan dipasang dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Limbungan NGVT, Sijangkang, Teluk Panglima Garang, di sini hari ini.

Hadir sama isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Panglima TLDM, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Pengerusi NGVT, Datuk Zulkifli Shariff.

Terdahulu, Dr. Mahathir dibawa melawat kerja pembinaan dua kapal latihan milik TLDM yang dibina oleh syarikat tersebut.

NGVT memperoleh kontrak membina dua kapal latihan TLDM pada Februari 2012 bernilai RM294 juta. Selain di Sijangkang, syarikat berkenaan turut mempunyai limbungan pembinaan kapal di Lumut, Perak.

Dr. Mahathir berkata, pada mulanya beliau tidak percaya dengan kemampuan syarikat berkenaan dan menyangka NGVT hanya menjual kapal yang dibeli daripada syarikat lain tetapi setelah melawat limbungan syarikat berkenaan di sini, sememangnya terbukti ia mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam bidang perkapalan.

Sementara itu, Zulkifli berkata, projek pembinaan dua kapal latihan TLDM yang bernilai RM148 juta setiap satu dijangka siap pertengahan tahun depan.

"Kami berharap projek ini akan membawa syarikat lebih dekat dengan aspirasi negara untuk memiliki keupayaan yang membolehkan kita menjadi sebuah negara yang ada keupayaan sendiri sesuai dengan dasar pertahanan negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120917/dn_19/Syarikat-tempatan-mampu-bina-kapal-perang--Tun-M